

SUARA PIBG SIMDE

Sekolah Integrasi Masjid Darul Ehsan, Jalan SS15/2E Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan

www.simde.edu.my/pibg.php

Terbitan Suku Pertama 2008

≈≈ SEKAPUR SIRIH ≈≈

Kepada semua Ibu, Bapa, Guru & Penjaga Pelajar SIMDE

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bagi keluaran kali ini, PIBG SIMDE ingin mengambil peluang untuk merakam ucapan tahniah kepada semua guru-guru dan ibubapa yang anak mereka terlibat dalam UPSR/PSRA tahun lepas (2007) kerana mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang (100% lulus) bagi kedua-dua jenis peperiksaan tersebut. Sebagai makluman ibubapa semua, bagi UPSR, seramai 22 daripada 52 orang pelajar telah berjaya mendapat 5A, sementara bagi PSRA pula, seramai 28 orang telah mendapat Mumtaz/Jaiyid Jiddan. Marilah kita semua bersama-sama berdoa agar keputusan peperiksaan tahun ini lebih bertambah baik yang sekaligus dapat meningkatkan prestasi SIMDE sebagai sebuah sekolah yang tinggi tahap akademik di Selangor ini.

Khas untuk ibubapa yang baru pertama kali menghantar anak mereka belajar di SIMDE, PIBG mengalu-alukan dan mengucapkan selamat datang ke dalam keluarga besar SIMDE serta menjadi sebahagian anggota PIBG. Semoga lebih ramai sukarelawan yang berpengalaman dan berkeupayaan dapat melibatkan diri dalam PIBG SIMDE ini.

PIBG akan meneruskan aktiviti/programnya dan juga menyokong program anjuran SIMDE untuk tahun ini yang sudah pasti memerlukan penglibatan sepenuhnya daripada ibubapa. Makluman berkenaan program/aktiviti akan dilakukan dari masa ke masa. Saya menyeru semua ibubapa tampil memberi sokongan penuh kepada semua program/aktiviti anjuran PIBG dan juga SIMDE.

Semoga usaha kita semua, guru-guru dan para pelajar keseluruhannya dirahmati dan diberkati Allah.

Sekian, terimakasih. Wassalam.

Salam Hormat,

Tajudin Mohd Sap
Yang Dipertua PIBG SIMDE
Sesi 2007-2009

** BOIKOT **

PIBG menyokong gesaan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) untuk memboikot semua produk dari BELANDA sebagai protes kepada filem FITNA (diterbitkan di BELANDA) yang secara terang menghina AL-QURAN & ISLAM.

PIBG menyeru seluruh Warga SIMDE bersatu bersama-sama **BOIKOT PRODUK BELANDA**.

Sebahagian daripada produk BELANDA yang disenaraikan ialah:

Shell, mandian Dove/Lux/Fair&Lovely/Sunsilk, serbuk cuci Breeze, coklat Kinder Bueno/Venz/Kioldsens/Ferrero Roche, aiskrim Wall's, insuran ING, deodorant Rexona/Radiant, margerin Planta/Lady's Choice, susu Dutch Lady/Dumex/Nutricia dan produk elektrik Philips.

(senarai terperinci boleh didapati daripada web rasmi PPIM - www.muslimconsumer.org.my)

PIBG SIMDE MENGUCAPKAN KEPADA SELURUH WARGA SIMDE SELAMAT MENYAMBUT HARI MAULIDUR RASUL 1429H

Sabda Nabi Muhammad s.a.w. :

"Barangsiapa berselawat kepadaku satu kali, maka Allah menurunkan rahmat kepadanya sepuluh kali." Riwayat Muslim.

BERITA SEMASA SUKU PERTAMA 2008

Sabtu 1 Mac 2008. Biro Keceriaan, Keselamatan, Kebersihan & Kesihatan PIBG SIMDE telah mengadakan gotong-royong. Gotong royong kali ini memfokuskan kepada sokongan ibubapa dan guru membersihkan dan mencantikkan kelas-kelas anak-anak mereka masing-masing dengan kerjasama guru kelas masing-masing. Program ini akan diadakan lebih kerap lagi bagi menjamin tahap keceriaan kelas anak-anak kita terutama di dalam kelas. Sila hubungi Ketua Biro (*Encik Abu Hussain bin Mohamed hp: 019-2111772 atau email ahsna6@yahoo.com*) untuk sebarang cadangan / bantuan.

Selasa 18 Mac 2008. Biro Pendidikan, Kebajikan & Hal Ehwal Pelajar PIBG SIMDE telah mengadakan Program Bercerita oleh ibubapa pelajar sendiri. Program Bercerita baru-baru ini telah disampaikan oleh Profesor Dr. Faizah Othman, Pakar Anatomi & Perubatan, UKM dengan menyampaikan tajuk " **Manisnya Menjadi Remaja**". Biro juga mengalu-alukan ibubapa yang ingin terlibat dalam **Program Bercerita** untuk menghubungi Ketua Biro (*Puan Sarina bt Mohd Hamsani hp: 019-3306652*).

SYABAS & TAHNIAH KEPADA PASUKAN BOLA BALING LELAKI SIMDE KERANA KEJAYAAN MENDAPAT TEPAT KE-3 DALAM KEJOHANAN BOLA BALING PERINGKAT DAERAH BARU-BARU INI. TAHNIAH JUGA KEPADA PENGURUS, GURU & JURULATIH PASUKAN TERLIBAT.

PIBG merakamkan ucapan terimakasih kepada **En. Nur Kamal Arifin** (ahli PIBG) yang secara sukarela terlibat aktif dalam aspek kejurulatihan pasukan ini.

*PIBG mengalu-alukan penglibatan secara sukarela ibubapa yang berpengalaman dalam membantu peningkatan aktiviti sukan SIMDE seperti **bolasepak, bolajaring dan sebagainya**. Begitu juga aktiviti **kebudayaan dan persatuan**.*

PIBG juga memohon sokongan kerjasama ibubapa untuk terus menggalakkan anak-anak kita untuk terlibat dalam aktiviti luar darjah anjuran SIMDE untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran hidup anak-anak kita.

Taman Sains. Biro Pembangunan Infrastruktur dan Penyelenggaraan PIBG dengan kerjasama **SIMDE** sedang dalam usaha membangunkan Taman Sains, satu pusat setempat untuk tanaman pokok-pokok sayuran/buah/herba bagi rujukan murid-murid. Ibumama yang berminat untuk membantu/menambahbaik boleh hubungi Ketua Biro (*En. Syuhaimi bin Abdullah Syukor hp:012- 2995590 atau email ad_zone74@yahoo.com*)

Kejohanan Golf Amal SIMDE. PIBG bercadang menganjurkan golf amal di kalangan para ibubapa dan kenalan/rakan ibubapa PIBG SIMDE serta jempunan, jika mendapat sambutan/sokongan ramai. Tujuan utama kejohanan ini selain daripada mengukuhkan ikatan silaturrahim sesama kita, ianya juga berupaya menjana pendapatan bagi PIBG. Jika ada ibubapa yang berminat atau ingin memberi cadangan dan idea, sila hubungi Naib YDP PIBG (*Tuan Syed Abdullah bin Syed Abdul Rahman hp: 012 2595190*)

PROGRAM LAWATAN KEBAJIKAN KE RUMAH ANAK YATIM SIMDE

Ibumama adalah dipelawa untuk mencadangkan nama dan lokasi rumah anak-anak yatim yang boleh/perlu/elok kita semua kunjungi bersama-sama semua warga SIMDE. Program/aktiviti lawatan ini meliputi ziarah, menderma dan gotong-royong. Sila hubungi **Setiausaha PIBG** (*En. Mohd Mazlan bin Hamat hp: 019 6929523*).

PIBG juga akan mengadakan **program / penambahbaikan** bagi mewujudkan maklumbalas dan kekuatan jaringan sesama ahli PIBG yang meliputi makluman terus aktiviti PIBG & SIMDE melalui sms, penerbitan direktori ahli dan lawatan belajar.

Satu perjumpaan ibubapa pelajar Tahun 6 bersama guru-guru diadakan pada 2 April 2008 di SIMDE. Selain daripada mengeratkan silaturrahim, fokus utama perjumpaan ini ialah meningkatkan kerjasama dan berkongsi idea bagi memastikan kecemerlangan berterusan anak-anak dalam peperiksaan **UPSR/PSRA 2008**.

Bantuan / Sumbangan Kewangan Oleh PIBG

PIBG SIMDE dari masa ke masa membuat sumbangan / bantuan kewangan kepada beberapa aktiviti / program terutamanya yang digerakkan oleh pihak sekolah sendiri mahupun kepada pihak yang memerlukan dalam usaha membantu / meringankan kos perbelanjaan mereka. Sumbangan berbentuk kewangan ini adalah untuk program /aktiviti SIMDE, program pembelajaran/latihan anak-anak kita di SIMDE, sumbangan kepada guru dan juga sumbangan ke rumah anak yatim.

Sebagai makluman, sumber utama kewangan PIBG adalah daripada yuran tahunan khas yang dibayar oleh ibubapa untuk PIBG. Oleh yang demikian itu, PIBG mengalu-alukan sebarang bentuk sumbangan ikhlas daripada ibubapa bagi menambah dananya dalam meneruskan program dan aktiviti.

Segala sumbangan boleh hubungi Bendahari PIBG (*Puan Kamariah bt Nasir HP:012-6683332*). Nombor akaun PIBG adalah **1 206 00009 61 717 (akaun Bank Muamalat)**

SUKARELAWAN UNTUK HARI SUKAN KE-10 SIMDE DI PADANG MPSJ (12 APRIL 2008)

Sokongan ibubapa yang ingin menjadi sukarelawan membantu pihak sekolah pada hari sukan nanti adalah diperlukan. Jika berminat, hubungi Cikgu Nor Hisyam hp: 012-6742049.

GERAI JUALAN PIBG SEMPENA HARI SUKAN KE-10

PIBG akan membuka gerai jualan amal & jualan makanan pada hari sukan nanti. Ibubapa yang berminat membantu aktiviti jualan / penyediaan makanan / cadangan, sila hubungi Puan Sabariah hp 013-3689095 @ Puan Izlina hp 012-2210030.

Senarai Ahli Jawatankuasa PIBG SIMDE 2007-2009

Yang Dipertua

En. Tajudin bin Mohd Sap

115, SS19/5B, Subang Jaya, 47500.

Tel : 017 8824875 Email : tajudinms@gmail.com

Timbalan Yang Dipertua

Tuan Syed Abdullah bin Syed Abdul Rahman

47, SS19/4G, Subang Jaya, 47500

Tel : 012 2595190

Setiausaha

En. Mohd Mazlan bin Hamat

8A 63A Lorong 3 Kg Tengah, Puchong

Tel : 019 6929523

(Pembantu Setiausaha)

En. Mohd Ismadi Ismail

Bendahari

Puan Kamariah bt Nasir

E-4-2 Kwarters Intitusi Pendidikan USJ 6/1, 47610 SJ

Tel : 012 6683332

Ahli Jawatankuasa

En. Farizal bin Masri A-1-4 Kuarters Pendidikan SK Seafield Subang Jaya Tel : 016 3407439	Puan Sabtariah bt. Sapri AG-01 K.I.P Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya Tel : 013 6701213
En. Abu Hussain bin Mohamed 83, USJ2/4S, UEP Subang Jaya 47600 Tel : 019 2111772 Email : ahsna6@yahoo.com	En. Mohamad Kamal bin Ghani 20, SS14/5B, 47500 Subang Jaya Tel : 019 2252472 Email : mkg62@hotmail.com
Puan Fauziah bt Alias 3, Jalan Medan 11, Taman Medan 46000, PJ Tel : 019 3860223 / 03 77705237	Puan Sarina bt Mohd Hamsani 24, USJ 12/1E, 47630 Subang Jaya, Selangor Tel : 019 3306652
En. Hamizan bin Dalip 94, Jalan PJS 4/10 Taman Medan, 46000 PJ Tel : 017 3541992	En. Syuhaimi bin Abdullah Syukor 47, USJ11/3N, 47500 UEP Subang Jaya, Selangor Tel : 012 2995590 Email : ad_zone74@yahoo.com

Pemeriksa Kira-kira

i. Cik Ummi Haryati bt Abdul Hadi 208 Blok B, SS19/7A, 47500 SJ Tel : 017 2329982	ii. Puan Sita Dini bt Abdul Samad 38, USJ1/4E 47500 Subang Jaya Tel : 012 6171685 Email : sita_dini2001@yahoo.co.uk
--	--

Senarai Ketua Biro PIBG

Biro Pendidikan, Kebajikan & Hal Ehwal Pelajar -Puan Sarina bt Mohd Hamsani (019-3306652)
Biro Pembangunan Infrastruktur dan Penyelenggaraan -Encik Syuhaimi bin Abdullah Shukor (012 2995590)
Biro Keceriaan, Keselamatan, Kebersihan & Kesihatan -Encik Abu Hussain bin Mohamed (019-2111772)
Biro Perhubungan, Komunikasi & IT -Puan Sita Dini bt Abdul Samad (012-6171685)
Biro Ekonomi, Kewangan, Tajaan & Sumbangan -Encik Hamizan bin Dalip (017-3541992)
Biro Sukan, Rekreasi & Kebudayaan -Encik Mohamad Kamal bin Ghani (019-2252472)
Biro Dakwah & Kebajikan – Ustaz Farizal Masri (016-3407439) / Puan Fauziah bt Alias (019-3860223)

RENUNGAN :

Firman Allah s.w.t: “Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik, sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar (menerima) doa” (**Ali-Imran : 38**)

Firman Allah s.w.t: “Bermegah-megahan itu melalaikan. Hingga kamu masuk ke dalam kubur.” (**Al-Takatsur : 1 & 2**)

Sabda Rasulullah s.a.w.: “Samaratakan anak-anak kamu dalam pemberian. Maka sekiranya saya suka melebihi seseorang, nescaya saya lebihkan perempuan.” (**Riwayat Imam at-Tabrani dan Khatib**)

SUARA PIBG SIMDE adalah edaran dalaman dan terhad untuk ibubapa, guru & penjaga pelajar-pelajar Sekolah Integrasi Masjid Darul Ehsan

SUARA PIBG SIMDE diterbitkan oleh **Biro Perhubungan, Komunikasi & IT, PIBG SIMDE**. Kami mengalu-alu pandangan untuk memperbaiki kandungan dan susunannya. Sebarang idea dan bantuan, sila hubungi Ketua Biro, Puan Sita Dini **hp:** 012 6171685 & **email:** sita_dini2001@yahoo.co.uk . Sila layari www.simde.edu.my untuk PIBG eForum. Terima kasih.